

05/04/2000

Pas punca perpecahan Melayu

Famka Al-Amir

SAYA bersyukur dan gembira atas kesepakatan raja-raja untuk mencari jalan penyelesaian kepada perpecahan umat Islam dan orang Melayu negara kita yang semakin serius.

Diharapkan akan menyusul kemudiannya cendekiawan Islam yang bebas daripada sebarang landasan politik untuk berganding bahu menyatukan ummah. Insya-Allah usaha yang murni ini akan mendapat rahmat dan keberkatan dari Ilahi.

Dalam pada itu adalah sesuatu yang agak mendukacitakan apabila ada pula pemimpin yang memperlecehkan usaha ini. Bukan sekadar itu malah parti pemerintah sekarang pula dituduh sebagai punca segala perpecahan.

Saya tidak faham bagaimana kenyataan naif seperti itu boleh keluar dari mulut seorang ulama besar seperti Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Seperti yang kita maklum, ciri-ciri seorang ulama itu antaranya, bijaksana dan amanah.

Ulama seharusnya lebih berhikmah dalam berkata-kata. Ulama juga sewajarnya meletakkan kepentingan ummah di hadapan daripada kepentingan individu atau sesuatu kumpulan.

Namun, kenyataan Nik Aziz baru-baru ini agak menyedihkan bagi kita umat Islam yang tinggal dalam negara bertuah ini. Sudahlah usaha kerajaan dan raja-raja untuk menyatukan kembali umat Islam di negara kita dipertikaikannya, malah beliau cuba mengeruhkan lagi keadaan dengan menuduh dan berburuk sangka terhadap Umno yang kononnya punca segala perpecahan.

Apakah Nik Aziz sengaja membutakan mata hatinya terhadap realiti? Saya tidak tergamak rasanya untuk mengatakan ulama besar seperti Nik Aziz sebagai buta sejarah. Tetapi itulah hakikatnya. Lupakah beliau selepas cendekiawan Islam dalam Umno keluar dari parti orang Melayu itu hanya kerana krisis kecil, mereka menubuhkan Pas. Sejak itu ... bibit perpecahan berputik.

Krisis ini bertambah serius selepas Hadi Awang mengeluarkan fatwa mengenai kafirnya Umno. Maka timbul kisah masjid bersembahyang dua imam, sembelihan orang Umno tidak sah dimakan, nikah orang Umno tidak sah, menyokong Pas jadi Islam ... sokong Umno jadi kafir.

Perpecahan terus menjadi barah dalam masyarakat selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan. Pas yang selama ini mengutuk Anwar tiba-tiba menjadi wira pembela Anwar. Umum tahu Pas menggunakan dan menjadikan isu Anwar secara habis-habisan demi keuntungan politiknya.

Pas menjadi hakim sebelum perbicaraan Anwar dimulakan lagi dengan hasrat rakyat akan memandang mereka sebagai parti wira. Maka timbullah perpecahan ketara hasil sikap `batu api' Pas yang berlebih-lebih dalam isu itu. Pas memanipulasi isu Anwar sehingga pengikut Anwar dan Umno `berlaga'. Pas akhirnya menjadi `jogho' dalam pertelingkahan itu.

Kini selepas perpecahan hasil usaha keras Pas menjadi kenyataan, dengan mudah Nik Aziz menuduh Umno punca perpecahan. Pas mendakwa keengganan Umno menerima al-Quran dan sunnah sebagai cara hidup menjadi punca perpecahan ini. Inilah yang dijaja oleh beliau kepada pengikut taksubnya. Pas yang juga masih tidak berpegang kepada al-Quran dan sunnah sepenuhnya dalam pemerintahannya di Kelantan dan Terengganu dengan mudah menuding kesalahan kepada orang lain.

Menggunakan al-Quran dan sunnah dalam membuat tuduhan ke atas orang lain seperti yang dilakukan oleh Pas sebenarnya adalah untuk menutup kelemahan

diri sendiri. Mereka mahu dipandang lebih Islam daripada Umno. Cuma kulit Umno lebih berbentuk `nasionalisme', tetapi Pas menggunakan slogan Islam.

Sewajarnya isu perpecahan ditangani segera sebelum kita menjadi `kembar' kepada beberapa negara Islam lain yang menghadapi perang saudara.

Nik Aziz juga menuduh Umno menggunakan institusi raja untuk kepentingan politik. Saya tidak faham mengapa ulama seperti beliau sering mengeluarkan kenyataan yang tidak menyenangkan, tidak menenteramkan jiwa dan hati kita. Walhal kata-kata seorang ulama itu sejuk dan menyejukkan. Kata-katanya sepatutnya berhikmah. Sayang, Nik Aziz, Datuk Fadzil Nor dan beberapa ulama mereka, tidak begitu.

Nik Aziz benar-benar takut pada bayang-bayang sendiri. Sebab itu beliau menuduh sedemikian. Maklumlah pengikut beliau yang taksab ramai, jadi serba sedikit timbul kesombongan dan ego politik dalam diri beliau. Mahu tidak mahu beliau harus menjadi `jogho' dalam isu ini. Sekurang-kurangnya beliau tidak dipandang lemah atau silap.

Nik Aziz mungkin lupa pada September tahun lalu, apabila `manusia-manusia' Pas-Keadilan dan `saudara' mereka ... DAP buat huru-hara di ibu kota hanya semata-mata mahu menghantar memorandum kepada institusi raja. Memorandum itu disampaikan dengan harapan raja bersimpati dengan Anwar yang kononnya diracun.

Pertama; terbukti Anwar tidak diracun... (Pas pemfitnah!) Kedua; usaha meminta simpati dari raja itu bukannya nyata satu usaha untuk meminta campur tangan politik daripada raja? Kenapa Nik Aziz tak pandang perkara ini? Fikirlah ...

Bagi penyokong Umno (kerajaan), sudah tiba masanya mereka merapatkan saf sesama sendiri. Usahlah mengikut budaya Pas yang terlampau taksab pada parti dan pemimpinnya. Orang Umno tidak boleh harapkan Pas untuk menyatukan ummah.

Seperti kata Zia Ul-Arief, penganut Pas tidak ikhlas terhadap perjuangan Islam dan Tuhannya sendiri. Jadi, orang Ummolah yang harus memikul tanggungjawab menyatukan ummah yang ditinggalkan oleh Pas. Pas jelas lebih pentingkan parti daripada perpaduan ummah. Seperti mana mereka lebih pentingkan janggut daripada mengangkat darjat agama Islam kembali gemilang sebagaimana zaman kegemilangannya dahulu seperti yang dirancang oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun begitu saya percaya masih ramai penyokong Pas yang berfikiran sederhana mahukan seperti mana yang Umno mahukan iaitu perpaduan ummah. Bagi orang Islam, perpaduan ummah melebihi kepentingan parti dan ia penentu kepada kegemilangan Islam.